

# WATAN: JANGAN KHAYAL

BM 20 JUN 1982

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, memberi amaran bahawa umat Islam akan ditewaskan jika tanggungjawab mempertahankan watan tidak diambil berat.

"Hari ini Lebanon diceroboh. Mungkin esok kita akan ditewaskan," kata Perdana Menteri.

"Mungkin ada di Membaca Al-Quran

PM: Di zaman  
moden  
tidak siapa

"Apakah kali ini pihak lain akan mendengar rayuan kita, sedangkan dahulu mereka tidak mendengarnya. Apakah orang yang tidak sedikitpun bersimpati dengan kita dan berideologi kebendaan serta tidak percaya kepada Tuhan akan

antara kita yang akan menyoal kenapa kita, kenapa tidak orang lain yang ditugaskan untuk mempertahankan negara. Jika sesiapa yang ditugaskan untuk mempertahankan negara bertanya: kenapa dia dan tidak orang lain, tidak ada siapa yang akan memikul tugas ini," katanya di upacara penutup dan penyampaian hadiah Musabaqah

Angkatan Tentera, di sini malam ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir, yang juga Menteri Pertahanan berkata, kenyataan yang perlu diterima dalam mempertahankan negara, ada yang akan memikul senjata dan ada yang tidak. Di zaman moden, tidak siapa yang akan selamat. Semuanya akan diserang dan semua akan menghadapi bahaya. Tidak ada keselamatan tanpa

korban.

Di zaman Rasulullah, tambah Perdana Menteri, yang perlu ialah kuda dan pedang. Tetapi, di zaman ini pula ialah peluru berpandu dan kereta kebal, latihan yang kemas dan susunan pertahanan yang mengambilkira taktik dan strategi moden.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa dunia sekali

## yang akan selamat

lagi menyaksikan keangkuhan dan kekejaman bangsa Yahudi yang tidak berbeza dari kekejaman rejim Nazi di masa Hitler memerintah Jerman.

Wilayah Arab dilanggar tanpa memperdulikan pendapat dunia dan askar-askar Bangsa-Bangsa Bersatu. Orang-orang awam, kanak-kanak dan orang-orang tua dibom, ditembak dan dibunuh.

Ujarnya, beribu-ribu mati dan cedera kerana manusia yang bengis seperti Nazi Jerman memerintah Palestin dengan sokongan pihak-pihak tertentu.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan sedih atas perbuatan tidak berperikemanusiaan itu.

Oleh itu, katanya, negara-negara Islam dan Arab perlu merayu kepada dunia supaya mendesak Yahudi menghentikan pencerobohan dan kekejaman Nazi itu.

menolong kita?," soal Perdana Menteri.

"Kita khayal jika la u kita memikirkan kita akan ditolong," katanya. Perdana Menteri berkata, bagi angkatan tentera, mesej dalam Al-Quran yang perlu diambil berat dan diamalkan ialah persediaan bagi mempertahankan umat Islam dan wilayah-wilayah mereka.

Al-Quran menyuruh kita berdisiplin dan jangan membantah atau membelakangkan perintah. Jika semua suruhan dipatuhi dan diamalkan, kita tidak lagi perlu khayal dengan harapan bahawa apabila kita diserang, orang lain akan membantu kita," ujar beliau.

Oleh itu, tegas Perdana Menteri, sekiranya Al-Quran menjadi petunjuk yang lengkap bagi memandu kehidupan di dalam semua aspek kehidupan — politik, sosial, ekonomi, ketenteraan dan lain, perlulah berusaha bersungguh-sungguh untuk mendekatkan diri dengan Al-Quran.

Tema musabaqah angkatan tentera itu ialah 'Al-Quran menyatukan segala'.